



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 16 APRIL 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	KERAJAAN SERIUS ISU ROMPAKAN HASIL LAUT, NEGERI KELANTAN/KEDAH, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2. 3.	MEAT IMPORTS NOT UNDER VETERINARY SERVICES DEPT, BRIEFS, THE SUN -2 ISU KETIRISAN DAGING IMPORT LUAR BIDANG KUASA DVS, NASIONAL, SH -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4. 5. 6. 7.	GENG CURI DAGING KERBAU, KAMBING SEJUK BEKU TUMPAS, NEGARA, KOSMO -17 NEW AIRPORT TO BOOST BETONG AGRICULTURE SECTOR, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 THIEVES TRAVEL FROM JOHOR TO PENANG TO LOOT FROZEN MEAT, NATION, THE STAR -13 KENAIKAN HARGA BARANGAN YANG DIADU, MASIH TERKAWAL, BH -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN/ KEDAH	26

## Kerajaan serius isu rompakan hasil laut

**KOTA BHARU** - Kerajaan mengambil serius isu 'rompakan' hasil laut yang berlaku di negara ini dan akan menggunakan segala peraturan serta akta yang bersesuaian bagi membendung masalah tersebut daripada berterusan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, sumber perikanan di Laut China Selatan merupakan perairan perikanan yang diterokai oleh nelayan-nelayan daripada negara Malaysia dan beberapa negara lain.

Menurutnya, walaupun ia mengikut ketetapan sempadan negara masing-masing, namun masih ada kes nelayan asing yang mencero boh ke kawasan perairan negara lain, seperti mana berlaku di Malaysia.

"Seksyen 15 (1)(a) Akta Perikanan 1985 menyatakan bahawa tiada vessel penangkapan ikan asing boleh menangkap ikan atau cuba menangkap ikan di perairan Malaysia.

"Namun pencerobohan vesel penangkapan ikan asing ke perairan Malaysia dilihat telah menjadi isu nasional yang perlu ditangani secara bersepadu oleh pelbagai agensi," katanya kepada pemberita di sini pada Khamis.



Che Abdullah (kanan) diberikan penerangan mengenai pemeliharaan ikan slakap oleh Muhammad.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Kampung Pulau Panjang di sini dalam rangka lawatan ke Hatcheri Ternakan Ikan Air Payau, milik penternak, Muhammad Mohd Yusoff.

Mengulas lanjut, katanya, Che Abdullah berkata, pelbagai usaha telah diambil Jabatan Perikanan bagi memastikan kemampuan sumber perikanan negara dan antaranya adalah kawalan terhadap pengeluaran lesen menangkap ikan.

Katanya, orang awam sering mempersoalkan tindakan jabatan dalam mengawal kelulusan dan pengeluaran lesen, namun di sebalik kawalan ini adalah disebabkan pemantauan yang dijalankan oleh jabatan terhadap isu-isu semasa yang timbul termasuk *overfishing*.



## **MEAT IMPORTS NOT UNDER VETERINARY SERVICES DEPT**

**PUTRAJAYA:** The import or entry of meat into the country, whether through smuggling or leakage at the country's checkpoints, is outside the jurisdiction of the Department of Veterinary Services (DVS). A statement issued by DVS yesterday stated that it is only responsible for conducting audit checks at abattoirs overseas for the purpose of export approval to Malaysia in accordance with stipulated standard operating procedures. The statement was issued following a report in a local newspaper which said the government should ensure that DVS, the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department and the Royal Malaysian Customs Department are completely free of moles or insider threats, to avoid another meat import cartel.

—Bernama



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

## Isu ketirisan daging import luar bidang kuasa DVS

**PUTRAJAYA** - Pengimportan atau ke-masukan daging dari sumber negara dan rumah sembelih yang tidak diiktiraf, sama ada menerusi penyeludupan atau ketirisan di pintu masuk negara, adalah di luar bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

DVS dalam satu kenyataan pada Khamis menjelaskan, agensi itu hanya bertanggungjawab dalam menjalankan audit pemeriksaan rumah sembelih luar negara untuk tujuan kelulusan eksport ke Malaysia mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Penjelasan DVS itu susulan laporan sebuah akhbar tempatan yang mendakwa kerajaan perlu memastikan tiga agensi yang mengawal selia urusan pengimportan daging bebas sepenuhnya daripada 'musuh dalam

selimut' bagi mengelak kegiatan kartel daging import bertapak semula.

Agensi terbabit seperti yang dilaporkan ialah DVS, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Menurut DVS, pemeriksaan rumah sembelih di luar negara dijalankan berasaskan kod amalan standard mengikut piawaian antarabangsa, meliputi piawaian kawalan penyakit haiwan dan zoonotik serta pengoperasian rumah sembelih.

"Kelulusan import daging hanya dibenarkan dari sumber negara dan rumah sembelih yang diluluskan dan menepati syarat ditetapkan," kata DVS. -*Bernama*



Laporan Sinar Harian pada 2 Disember 2020.

16/4/2021

KOSMO

NEGARA

17

## Geng curi daging kerbau, kambing sejuk beku tumpas

**SEBERANG PERAI** - Sekumpulan geng curi daging sejuk beku dari Johor yang menyasarkan mangsa di sekitar kawasan utara tumpas selepas ditahan polis berdekatan sebuah stesen minyak di Lebuh Raya Utara-Selatan dekat Senai, Johor semalam.

Empat suspek berusia antara 27 hingga 37 tahun itu ditahan di tempat letak kenderaan kira-kira pukul 2.40 petang.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisio-

ner Shafee Abd. Samad berkata, tangkapan suspek dibuat selepas pihaknya menerima laporan kejadian pecah masuk sebuah kedai daging sejuk beku di Taman Inderawasih, Perai di sini awal bulan lalu.

"Hasil siasatan ke atas suspek mendapati mereka mengaku melakukan kegiatan itu dan menjual daging berkenaan yang bernilai RM35,000 kepada seorang lelaki.

"Mereka juga dipercayai melakukan kegiatan sama di sebuah



SHAFEE ABD. SAMAD

premis daging sejuk beku di Sungai Kob, Kulim, Kedah," katanya.

Menurut Shafee, suspek yang bergerak dari Johor itu menyasarkan kawasan utara bagi melakukan kegiatan berkenaan kerana sudah kerap ditangkap di kawasan selatan.

"Suspek utama berusia 32 tahun mengaku mengupah tiga rakannya yang tidak bekerja melakukan kegiatan itu dengan menawarkan RM5,000 hingga RM8,000 untuk sekali kerja.

"Untuk melakukan kegiatan tersebut, suspek membuat carian kedai sejuk beku di laman sosial Facebook dan Google," katanya.

Beliau berkata, polis turut merampas sebuah lori bersama alat pemotong besi, troli serta 395 kotak daging kerbau dan kambing sejuk beku bagi membantu siasatan.

Menurutnya, kes akan disiasat mengikut Seksyen 457 Kanun Keseksaan.



## New airport to boost Betong agriculture sector

**KUCHING:** Building an airport in the middle of nowhere would have been a ridiculous proposal any day. This was especially so for a place such as the Betong division in Sarawak 30 years ago.

But the need for a wider market for produce from this largely agricultural district has made it a necessity today.

The Sarawak government plans to build a short take-off and landing airport in Spach, one of the small towns in Betong, to enable farmers to

reach a wider market not just in other parts of Malaysia but also overseas.

Sarawak Chief Minister Datuk Abang Johari Openg handed the construction agreement document to D.A.J. Keluarga Realty Cara Raya JV Sdn Bhd, the successful tender bidder, last Saturday.

Construction of the RM108.1 million facility will take about 30 months.

Over the years, agricultural produce from Betong had been trucked to the state capital, Kuching

from where they were distributed to other markets. The journey could take up to five hours, by which time fruits and vegetables would not be as fresh as buyers would expect.

Deputy Chief Minister Datuk Amar Douglas Uggah Embas said if the produce could be shipped quickly to markets, it would still be fresh when it reaches customers.

"We need to raise production from now. The airport will be ready in three years and there will likely be an increase in demand for farm

produce, Uggah Embas, who is Bukit Saban assemblyman, said.

This improvement in transport and the push to increase production are part of the state government's vision to develop Betong into a modern agriculture centre, and one of its food baskets by 2030.

Uggah Embas said Sarawak's nilapia fish and "raindin" vegetable are in demand in Singapore and other countries.

To cope with this demand, he said the state government had started

several projects in Betong, including development of an agricultural product collecting, processing and packaging centre and an entrepreneur incubator station.

Uggah Embas, who is state Agriculture Modernisation, Native Land and Regional Development minister, said the packaging centre would enable farmers to sell agriculture products like vegetables, rambutans, coconuts, pineapples and durians during bumper harvests.

- Bernama

## Thieves travel from Johor to Penang to loot frozen meat

**BUTTERWORTH:** To avoid arrest in the south, a gang of meat thieves travelled more than 600km from Johor to Taman Inderawasih here to loot frozen meat.

Police are investigating how they managed to travel despite the ban on interstate movement.

Central Seberang Prai OCPD Asst Comm Shafee Abd Samad said the four men, aged between 27 and 37, were arrested for allegedly breaking into a frozen meat store here and stealing the goods.

During investigation, the men admitted to the police they chose to commit crime up north to avoid being arrested in the south, where one of them has a criminal record for stealing frozen meat.

"We received a report on April 4 about a frozen food store being broken into. The complainant said when he arrived at the store at 6.30am that day, he found the main door of the meat freezer room open and the inside empty," he said in a statement yesterday.

The four suspects were arrested on Wednesday at a parking area near a petrol station on the North-South Expressway near Senai, Johor, at 2.20pm.

"All of them admitted to being involved in the meat freezer break-in," he added.

The case is being investigated under Section 457 of the Penal Code.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Kenaikan harga barangan yang diadu, masih terkawal



KUALA LUMPUR: Hasil pemeriksaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di seluruh negara mendapati kenaikan harga barangan yang diadu, masih terkawal.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata kedudukan bekalan masih stabil dan dapat memenuhi penawaran serta permintaan.

Dalam hal ini, katanya, kementeriannya memandang serius peniaga yang dikesan mengambil kesempatan menaikkan harga ayam.

"Berdasarkan aduan diterima, KPDNHEP melakukan pemeriksaan segera terhadap dakwaan berlaku kenaikan harga beberapa barang keperluan di Kelantan, Kedah dan Pulau Pinang.

"Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan terhadap mana-mana peniaga ayam yang didapati melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011)," katanya kepada BH, hari ini.

Alexander berkata, peniaga yang dikesan mengambil kesempatan menaikkan harga barangan tanpa mematuhi perundangan pencatutan boleh dikenakan tindakan tegas mengikut Seksyen 14 (1), AKHAP 2011.

Katanya, pemantauan dan pemeriksaan dijalankan secara berterusan setiap hari bagi memastikan setiap peniaga mematuhi peraturan ditetapkan.

Alexander berkata, setakat bulan lalu, pihaknya memeriksa sebanyak 231,163 premis perniagaan.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 2,108 kes dibuka bawah AKHAP 2011 manakala 350 kes lagi mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Bahagian penguat kuasa sudah mendapatkan maklumat harga terkini melalui semakan oleh pegawai penguat kuasa di negeri berkaitan.

"Bagi isu ayam, input harga peringkat ladang dan pemborong juga diterima daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi di bawahnya seperti Jabatan Pertanian Malaysia, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)," katanya.

Mengulas faktor yang menjadi punca kenaikan harga ayam, Alexander berkata, secara amnya ia dipengaruhi peningkatan permintaan melebihi penawaran, perubahan nilai mata wang asing yang lebih tinggi berbanding Ringgit Malaysia, aktiviti monopoli, perubahan iklim dan cuaca serta kadar upah pekerja.

Selain itu, katanya, perubahan dasar negara asal jika membabitkan barang diimport, peningkatan harga bahan mentah atau komoditi dan terma bayaran oleh peniaga daripada pembekalan.



Katanya, tindakan peniaga mengambil kesempatan membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah atau menyorok bekalan juga mempengaruhi harga ayam.

Mengenai bekalan ayam ketika Ramadan, Alexander berkata, pengguna tidak perlu bimbang kerana ia mencukupi bukan sahaja pada bulan puasa, malah Aidilfitri.

Katanya, berdasarkan maklum balas daripada MAFI mendapati bekalan ayam stabil dan mencukupi sekali gus dapat memenuhi penawaran serta permintaan pengguna.

"Ketika ini, dianggarkan bekalan bagi ayam pedaging di pasaran adalah sebanyak 66 juta ekor sebulan. Jumlah pengeluaran ayam ini cukup bagi menampung keperluan dan permintaan rakyat Malaysia," katanya.